

## Shamala cabar Mumtaz

**Saiful Affendy Sapran**

saifulaffendy@nstp.com.my

**Kisala Lumpur:** Timbalan Presiden Kanan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Dr S Shamala mengesahkan akan bertanding untuk merebut jawatan Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) pada mesyuarat agung tahunan (AGM) badan induk itu, 5 Mei depan.

Shamala menegaskan, minat yang mendalam untuk berkhidmat dalam bidang sukan mendorongnya untuk melakukan keputusan itu selepas sekian lama menjadi pemimpin kanan di MHC.

Selain menggalas tugas penting di MHC, Shamala juga tenaga pengajar dan Pengarah Akademi Sukan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Saya amat berminat dengan bidang pendidikan dalam sukan. Jadi, saya rasa



MOM adalah tempat terbaik untuk berkongsi kepakaran saya. Banyak pihak yang menyokong saya untuk cuba bertanding jawatan naib presiden dan akhirnya saya membuat keputusan ini,” katanya.

Jawatan itu ketika ini disandang legenda olahraga negara, Datuk Mumtaz Jaafar yang dijangka mempertahankannya dengan tarikh tutup pencalonan esok.